

05 JUL 1996

SELANGOR TURUT CARI KAEDAH BANGUNKAN TANAH TERBIAR

SHAH ALAM, 5 Julai (Bernama) -- Selangor turut mencari kaedah terbaik bagi memajukan tanah terbiar milik orang Melayu di negeri ini yang sukar dibangunkan kerana pemiliknya terlalu ramai atau sukar dikesan setelah dipusakai beberapa generasi.

Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib ketika menyokong kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan mungkin mengambil alih tanah terbiar itu untuk dimajukan, berkata ia merupakan satu cadangan yang baik.

"Kita juga mengkajinya dan jika boleh akan mengemukakan cadangan cara bagaimana mengatasi masalah itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penerangan Pelan Tindakan Gerak Cepat Mengisi Wawasan pertubuhan bukan kerajaan Selangor di sini, hari ini.

Masalah yang sama dipercayai berlaku di Selangor walaupun tanah di kebanyakan daerah di negeri ini sudah melambung nilainya akibat kegiatan pembangunan yang menyeluruh dan kepesatan industri.

Dr Mahathir berkata terdapat beberapa cara untuk mengatasi masalah itu termasuklah dengan menentukan pembahagian saham, mengambil kira pendapat majoriti sesama waris atau menubuhkan akaun khas sementara mencari pemilik yang sukar dikesan.

-- BERNAMA

MNY AHH